

DBKL sedia SOP lebih jelas hadapi bencana alam di KL

Langkah pastikan tindak balas segera tangani situasi kecemasan

Oleh Shahrul Shahabudin
bhnws@bh.com.my

Kuala Lumpur: Prosedur operasi standard (SOP) yang jelas akan memastikan tindak balas segera terhadap bencana alam di bandar raya ini, kata Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif.

Susulan kejadian lubang benam di Jalan Masjid India dua minggu lalu, beliau berkata, terdapat pengajaran berharga yang boleh diambil iktibar dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mesti meningkatkan kesiapsiagaan serta ketahanan menghadapi bencana.

“Saya bercakap dengan rakan saya untuk membincangkan bagaimana kita boleh meningkatkan tindak balas bencana kita.

“Ini termasuk menaik taraf infrastruktur untuk bertahan dengan kejadian alam seperti banjir, tanah runtuh dan lubang benam, serta memastikan perkhidmatan kecemasan dilengkapi de-

ngan secukupnya untuk menghadapi krisis,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Persidangan Antarabangsa ke-15 mengenai Bandar Lestari Bertaraf Dunia 2024 di sini, semalam.

Pada 23 Ogos lalu, G Vijaya Lakshmi, 48, dari Kuppam, Andhra Pradesh, India, hilang selepas terjatuh ke dalam lubang benam sedalam lapan meter di Jalan



Maimunah Mohd Sharif

Masjid India. Selepas sembilan hari operasi mencari dan menyelamatkan (SAR), bagaimanapun usaha berkenaan dihentikan tanpa sebarang penemuan.

Sokong program berbasikal

Selain itu, Maimunah menggesa orang ramai untuk menyokong inisiatif lorong basikal biru di bandar raya ini, yang bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat dan mengurangkan kese-

sakan lalu lintas.

Beliau berkata, DBKL kini sedang berusaha untuk menambah baik infrastruktur basikal dan laluan pejalan kaki, manakala pegawai penguat kuasa diarah untuk mengagap mana-mana kereta atau motosikal yang diletakkan di lorong yang tidak dibenarkan.

“Saya mohon sokongan semua kerana kami akan segera mengambil tindakan penguatkuasaan apabila melihat kenderaan diletakkan di lorong basikal.

“Tidak ada belas kasihan, kami akan bertindak kerana kami menggalakkan berbasikal dan berjalan kaki,” katanya.

Sebagai seorang yang minat berbasikal, Maimunah melihat berbasikal sebagai penyelesaian alternatif kepada cabaran perhubungan jarak jauh bandar, yang boleh membantu meningkatkan penggunaan pengangkutan awam dalam kalangan penduduk.

Di bawah kepemimpinannya, Maimunah menggesa pembabit orang ramai ditingkatkan dalam menangani isu bandar dan memperkukuh semula Kuala Lumpur.

“Kami mengalu-alukan komen yang kritis dan membina. Namun, sila berikan sama penyelesaian bagaimana kami boleh bekerjasama untuk menambah baik bandar ini,” katanya.



Kejadian tanah jertus di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur 23 Ogos lalu.

(Foto Ahmad Ukasyah/BH)